

**Parlimen: Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012 Dilulus Di Dewan Rakyat  
Bernama  
18 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat Rabu meluluskan Rang Undang-Undang Laut Wilayah 2012, yang digubal untuk memelihara keutuhan wilayah Malaysia berikutan pengguguran tiga Proklamasi Darurat pada Disember lepas.

Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi laut wilayah Malaysia bagi menggantikan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu), No.7 1969 yang telah dibuat di bawah Proklamasi Darurat 1969.

Mengikut peruntukan rang undang-undang ini, lebar laut wilayah Malaysia hendaklah 12 batu nautika bagi segala maksud.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz pada sesi penggulungan rang undang-undang tersebut berkata penggubalan rang undang-undang berkenaan bukan kerana selepas peristiwa Batu Putih di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), di The Hague atau isu perebutan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

Katanya Rang Undang-Undang Laut Wilayah 2012 perlu digubal memandangkan bahawa tiada undang-undang persekutuan lain yang menetapkan lebar laut wilayah Malaysia selain daripada Ordinan No.7 1969.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660153>